

# Gesa iktiraf graduan pertanian profesional

PUTRAJAYA 14 Feb. - Kerajaan digesa supaya mengiktiraf graduan pertanian sebagai golongan profesional bagi menarik lebih ramai generasi muda menyertai bidang tersebut.

Pensyarah di Jabatan Pengurusan Tanah, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr. Mohd. Khanif Yusop berkata, langkah itu perlu bagi meningkatkan imej bidang pertanian ke tahap yang tinggi.

Katanya, ia boleh dilaksanakan dengan mewujudkan akta ahli pertanian profesional yang sama seperti bidang profesional lain.

"Graduan pertanian perlu diiktiraf sebagai golongan profesional sama seperti doktor, jurutera, peguam, akauntan dan lain-lain bidang kritikal. Sebagai contoh doktor gigi perlu ada sijil profesional untuk merawat pesakit.

"Justeru, ia akan meningkatkan imej baru sektor pertanian supaya lebih progresif melalui teknologi baru yang dibawa oleh ahli pertanian profesional ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Kekangan Dalam Pengeluaran Padi dan Penggunaan Teknologi dalam Perbincangan Meja Bulat: Menangani Kos Sara Hidup' anjuran Majlis Profesor Negara (MPN) di sini hari ini.

Dalam pada itu, Mohd. Khanif berkata, Malaysia berpotensi meningkatkan pengeluaran padi menerusi kawasan sedia ada dengan menggunakan teknologi yang sesuai secara intensif.

Katanya, pengeluaran padi negara hanya mampu mencapai 73 peratus tahap sara diri manakala purata hasil padi negara ialah 3.73 ton/hektar bila pun berpotensi mencapai tahap yang lebih tinggi.